



## KEMENTERIAN KESIHATAN

### PRESS INFO

#### **MAKLUMAN MENGENAI PEMBUKAAN PERKHIDMATAN PERGIGIAN**

Jabatan Perkhidmatan Pergigian ingin memaklumkan orang ramai bahawa **Klinik Pergigian di Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong** dan **Klinik Pergigian di Pusat Kesihatan Berakas, Lambak Kanan** akan mula dibuka kembali pada hari ini, **Isnin, 08 Syawal 1443H bersamaan dengan 09 Mei 2022M**, manakala **Klinik Pergigian di Pusat Kesihatan Seria** akan dibuka pada hari Rabu, **10 Syawal 1443H bersamaan dengan 11 Mei 2022M**.

Rawatan pergigian kecemasan dan rutin akan diberikan di klinik pesakit luar pergigian tertakluk kepada pemeriksaan saringan di kaunter-kaunter yang disediakan di lokasi berkenaan dan bagi rawatan susulan adalah melalui perjanjian.

TARIKH BUKA	KLINIK KESIHATAN	WAKTU OPERASI
09.05.2022	Klinik Pergigian di Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong dan Klinik Pergigian di Pusat Kesihatan Berakas, Lambak Kanan	Isnin - Khamis dan Sabtu 7:45 pagi - 12:15 tengah hari 1:30 petang - 4:30 petang
11.05.2022	Klinik Pergigian di Pusat Kesihatan Seria	Isnin - Khamis dan Sabtu 7:45 pagi - 12:15 tengah hari 1:30 petang - 4:30 petang

Dalam pada itu, sebagai sebahagian daripada usaha dalam mempertingkatkan langkah-langkah pencegahan bagi melindungi pengunjung dan petugas kesihatan di klinik-klinik pergigian, pesakit-pesakit adalah diperlukan untuk melakukan **ujian ART swab terlebih dahulu sebelum sesi rawatan dimulakan dengan pemantauan dari**

**pekerja kesihatan di Jabatan Perkhidmatan Pergigian. Manakala ujian swab PCR hanya akan dilakukan bagi kes-kes tertentu.**

Orang ramai adalah diharapkan untuk bersabar kerana waktu menunggu yang dijangkakan akan bertambah kerana keperluan membuat ujian ART bagi semua perjumpaan di klinik pergigian. Jabatan Perkhidmatan Pergigian ingin memohon maaf atas sebarang kesulitan yang dihadapi.

Sementara itu, perkhidmatan konsultasi bagi pesakit-pesakit pergigian melalui talian telefon dan pesanan ringkas melalui aplikasi WhatsApp di talian seperti berikut masih lagi diteruskan:

Jenis Perkhidmatan	Nombor Talian	Waktu Operasi
Konsultasi Telefon	8117981 8117936	Isnin - Khamis dan Sabtu 8:00 pagi - 12 tengah hari 1:45 petang - 4:00 petang
Konsultasi WhatsApp	8117635	

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk menggunakan perkhidmatan ini sebagai kaedah alternatif untuk mendapatkan nasihat pergigian bagi mengelakkan kunjungan yang tidak diperlukan sebagai langkah untuk mengurangkan interaksi di antara orang ramai dengan kakitangan jabatan ini bagi membendung penularan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Talian Darussalam 123.

**- TAMAT -**

Rujukan : KK/PR/1  
Tarikh : 08 Syawal 1443H / 09 Mei 2022M